



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
PETROLEUM HULUAN**

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Latar belakang Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP).....	1
OPERASI AM INDUSTRI PETROLEUM HULUAN	1
Aktiviti Huluan.....	1
Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC)	2
LAYANAN CBP UNTUK INDUSTRI PETROLEUM HULUAN	3
CBP ke atas Input.....	3
CBP ke atas Output.....	3
Usaha Sama	3
Pangkalan Bekalan.....	6
Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA)	9
Kawasan Unitization	10
SOALAN LAZIM	12
MAKLUMBALAS ATAU KOMEN.....	18
MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP.....	18
LAMPIRAN 1	i



PENGENALAN

1. Panduan Industri ini disediakan untuk membantu perniagaan memahami perkara berkaitan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas industri petroleum hulu. Anda dinasihatkan supaya membaca Panduan ini bersekali dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, perundangan subsidiari CBP, Panduan Am CBP dan panduan lain CBP yang disebutkan dalam Panduan ini.

Latar belakang Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia melainkan pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh setiap perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah pada setiap peringkat dikenakan cukai untuk mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI AM INDUSTRI PETROLEUM HULUAN

Aktiviti Hulu

5. Aktiviti hulu merangkumi eksplorasi, eksploitasi, pembangunan dan pengeluaran minyak mentah dan gas. Aktiviti ini dijalankan dan diuruskan melalui



Kontrak Perkongsian Pengeluaran [Production Sharing Contracts (PSC)] di antara PETRONAS dan beberapa syarikat minyak dan gas antarabangsa termasuklah dengan anak syarikatnya, Petronas Carigali Sdn. Bhd. dengan cara usaha sama (JV).

Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC)

6. Mana-mana syarikat yang ingin menjalankan aktiviti huluian mesti memasuki Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) dengan PETRONAS. Secara dasarnya, PSC mengariskan hak dan obligasi PETRONAS dan kontraktornya. PSC akan menyatakan terma, syarat, tanggungjawab dan kepentingan penyertaan kontraktor PSC. Setiap kontrak mewajibkan kontraktor PSC untuk menyediakan semua pembiayaan dan menanggung semua risiko dalam aktiviti eksplorasi, pembangunan dan pengeluaran dalam pertukaran untuk perkongsian ke atas keseluruhan pengeluaran.

7. PSC mensyaratkan kontraktor untuk memasuki Perjanjian Operasi Bersama [Joint Operating Agreement (JOA)] untuk PSC yang mempunyai lebih daripada seorang kontraktor. JOA mengariskan hak, obligasi dan liabiliti untuk setiap kontraktor dalam PSC. Kontraktor selalunya akan melantik seorang Pengendali (dengan persetujuan PETRONAS) untuk menjalankan peruntukan dalam PSC. Pengendali mungkin salah seorang daripada kontraktor atau sebuah entiti baru diperbadankan iaitu Syarikat Operasi Bersama [Joint Operating Company (JOC)]. Pengurusan tertinggi JOC akan merangkumi pekerja-pekerja yang dipinjamkan daripada kontraktor yang terlibat dalam PSC. Pengendali atau JOC bukan sahaja bertanggungjawab untuk menjalankan semua aktiviti dalam PSC tetapi ia juga bertanggungjawab terhadap penyenggaraan akaun PSC.

8. Ciri-ciri sesuatu PSC adalah seperti berikut :-

- (a) Seorang daripada kontraktor akan dilantik sebagai pengendali atau kontraktor akan menubuhkan JOC;
- (b) Kos yang ditanggung oleh pengendali atau JOC akan dikongsi oleh setiap kontraktor berdasarkan kepentingan penyertaan mereka;

- (c) Setiap kontraktor mengakaunkan perkongsian kos dalam penyata kewangan sendiri berdasarkan kadar kepentingan penyertaan masing-masing;
- (d) Aset adalah terletak pada PETRONAS dan sebarang hasil daripada jualan aset berkenaan adalah kepunyaan PETRONAS; dan
- (e) Setiap kontraktor berkongsi barang stok dan kemudahan yang sama. Minyak mentah dan gas yang dihasilkan akan ditarik balik oleh pengendali usaha atau JOC berdasarkan kelayakan setiap kontraktor.

LAYANAN CBP UNTUK INDUSTRI PETROLEUM HULUAN

CBP ke atas Input

9. Sebagaimana dengan industri yang lain, industri petroleum hulu juga akan membuat pemerolehan barang dan perkhidmatan dalam urusan dan penerusan perniagaan mereka. Pemerolehan bahan, peralatan dan perkhidmatan dianggap sebagai *input* kepada industri. Sebarang CBP yang ditanggung dalam pembelian input boleh dituntut sebagai kredit cukai input dan boleh diimbangi dengan CBP yang dikenakan ke atas pembekalan produk.

CBP ke atas Output

10. *Output* pula sebaliknya merujuk kepada pembekalan produk yang dihasilkan dalam industri petroleum hulu iaitu minyak mentah, kondensat dan gas. Sebagai peraturan am, semua jenis pembekalan bercukai yang berkaitan dengan aktiviti hulu tertakluk kepada CBP pada *kadar standard* jika mereka dibekalkan di pasaran tempatan (termasuk ke luar pesisir) kecuali pengeksportan minyak mentah, kondensat dan gas yang tertakluk kepada CBP pada *kadar sifar*.

11. Penggunaan sendiri untuk tujuan perniagaan tidak dianggap sebagai suatu pembekalan. Oleh itu, gas atau bahan api yang digunakan semasa operasi perniagaan tidak dianggap sebagai suatu pembekalan bercukai.

Usaha Sama



12. Suatu usaha sama [joint venture (JV)] adalah suatu perjanjian berkontrak di mana dua atau lebih pihak mengumpulkan sumber seperti dana, harta, pengetahuan, kemahiran, pengalaman, masa atau lain-lain untuk menjalankan satu aktiviti ekonomi di bawah kawalan mereka bersama, dan untuk memperoleh manfaat individu dalam bentuk perkongsian produk dan bukannya keuntungan bersama atau kolektif, mengikut kepentingan penyertaan mereka dalam usaha. JV terbentuk melalui pengaturan yang tidak mengakibatkan entiti undang-undang yang berasingan. Oleh itu, perjanjian JV tidak mengakibatkan entiti undang-undang yang berasingan.

13. Untuk menguruskan JV, kontraktor akan melantik;

- (a) salah seorang kontraktor atau
- (b) pihak ketiga yang dikenali sebagai syarikat operasi bersama (JOC),

sebagai pengendali usaha untuk membuat pemerolehan bagi pihak JV. Pembekalan JV akan dibuat oleh setiap pengusaha berdasarkan kepentingan penyertaannya dalam JV.

14. Konsep JV yang dinyatakan di atas adalah ciri-ciri sebuah pengaturan PSC dan oleh itu, ia dianggap sebagai Usaha sama untuk tujuan CBP dan kontraktor PSC masing-masing dikenali sebagai pengusaha di bawah usaha CBP sama itu, manakala pengendali usaha sama dikenali sebagai pengendali usaha.

15. Memandangkan PETRONAS merupakan suatu pihak kepada perjanjian PSC, ia dianggap sebagai salah satu daripada pengusaha untuk usaha sama bagi maksud CBP. Oleh itu, PETRONAS perlu mengakaun sebarang pembekalan yang timbul daripada bahagiannya dalam JV.

16. Layanan CBP untuk usaha sama CBP adalah seperti berikut;

- (a) Semua pengusaha dalam PSC dan JOC, jika ada, hendaklah berdaftar di bawah CBP. JV hendaklah berdaftar di bawah nama pengendali usaha iaitu sama ada;
 - (i) seorang daripada pengusaha yang dilantik sebagai pengendali usaha, atau

- (ii) JOC yang dilantik untuk menguruskan JV;
- (b) pengendali usaha hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi usaha sama;
- (c) sebarang pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan bagi maksud menjalankan perniagaan usaha sama antara pengusaha dan pengendali usaha hendaklah diabaikan;
- (d) dalam keadaan di mana —
 - (i) setiap pengusaha memperolehi apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan bagi usaha sama, pengusaha hendaklah menuntut potongan cukai input atas perolehan yang dibuat olehnya berkaitan dengan usaha sama;
 - (ii) pengendali usaha memperolehi apa-apa pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan bagi usaha sama, pengendali usaha hendaklah menuntut potongan cukai input atas perolehan yang dibuat olehnya berkaitan dengan usaha sama;
- (e) setiap pengusaha hendaklah mengakaun dan membayar cukai ke atas pembekalan yang dibuat olehnya berkaitan dengan usaha sama.

17. Layanan GST ke atas transaksi yang berkaitan dengan operasi JV (seperti dalam **Lampiran 1**) adalah seperti berikut:

- (a) Penganugerahan kontrak (PSC)

Penganugerahan blok PSC oleh PETRONAS kepada kontraktor (pengusaha) tidak dianggap sebagai suatu pembekalan di bawah CBP walaupun PETRONAS mempunyai bahagian dalam output PSC.
- (b) Panggilan Tunai (Cash Call)

Istilah ini merujuk kepada dana untuk modal atau perbelanjaan operasi yang mana setiap pengusaha membayar bahagian kosnya kepada pengendali usaha berdasarkan kepentingan penyertaannya dalam JV. Panggilan tunai ini adalah bukan suatu pembekalan.
- (c) Bil Kepentingan Bersama (JIB)

JIB adalah penyata bulanan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pengendali usaha atau JOC kepada pengusaha untuk mewajarkan perbelanjaan yang ditanggung dalam operasi usaha sama itu. Oleh itu, JIB bukanlah suatu pembekalan.

(d) Royalti

Amaun royalti 10% yang diambil oleh PETRONAS dalam bentuk tong minyak untuk menyelesaikan sebarang bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Royalti ini tidak dianggap sebagai suatu pembekalan di bawah CBP.

(e) Penyerahan aset kepada PETRONAS

Penyerahan aset kembali kepada PETRONAS pada akhir tempoh sesuatu usaha sama bukan suatu pembekalan di bawah CBP.

(f) *Farming-out / Farming-in*

Transaksi *Farming-out / Farming-in* di bawah usaha sama PSC berlaku apabila terdapat pemindahan kepentingan dalam PSC di antara pengusaha sedia ada atau kepada pengusaha baru. Jika terdapat balasan yang terlibat, ia dianggap sebagai suatu pembekalan bercukai dan tertakluk kepada GST pada kadar standard. Sebaliknya jika tiada balasan yang terlibat, maka transaksi *Farming-out / Farming-in* tidak dianggap sebagai suatu pembekalan.

(g) Pelepasan kepentingan penyertaan dalam PSC

Pelepasan kepentingan penyertaan dalam PSC oleh pengusaha JV kepada PETRONAS tidak dianggap sebagai suatu pembekalan kerana ia dibuat tanpa balasan.

Pangkalan Bekalan

18. Buat masa ini, terdapat dua pangkalan bekalan di Malaysia iaitu Pangkalan Bekalan Kemaman dan Pangkalan Bekalan Aslan.

(a) Pangkalan Bekalan Kemaman

Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd. yang dikenali sebagai Kemaman Supply Base (KSB), dilesenkan di bawah Seksyen 65 / 65A, Akta Kastam 1967 dan layak untuk menikmati kemudahan di bawah Skim Penggudangan (WS). Dengan itu, layanan GST untuk pembekalan barang dan perkhidmatan ke atau dari KSB adalah seperti berikut;

- Pembayaran CBP ke atas pengimportan barang ke KSB adalah *ditangguhkan*.
- Pembayaran CBP ke atas pembekalan barang diimport di antara KSB dan gudang lain di bawah skim penggudangan di luar KSB adalah *ditangguhkan*.
- Pembekalan barang tempatan ke KSB adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard dan pembekalan barang tersebut (ada nilai tambah atau tidak) di antara KSB dan gudang lain di bawah skim penggudangan luar KSB adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- Pembekalan barang dalam KSB adalah *diabaikan*.
- Pengimportan perkhidmatan ke KSB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard* di bawah mekanisme caj balikan (reverse charge).
- Pembekalan perkhidmatan tempatan ke KSB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard*.
- Pembekalan perkhidmatan di antara KSB dan gudang lain di bawah skim penggudangan di luar KSB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard*.
- Pembekalan perkhidmatan dalam KSB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard*.
- Pembekalan barang dan perkhidmatan dari KSB ke kawasan utama Kastam (KUK) adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard*.

- Pengeksportan barang dan perkhidmatan dari KSB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar sifar*.
- Barang dan perkhidmatan untuk penggunaan sendiri dalam KSB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard*.

(b) Pangkalan Bekalan Asian

Asian Supply Base Sdn. Bhd. (ASB) adalah terletak dalam pelabuhan bebas Wilayah Persekutuan Labuan dan dengan itu, layanan CBP ke atas kawasan ditetapkan terpakai untuk ASB. Layanan CBP ke atas pembekalan barang dan perkhidmatan ke atau dari ASB adalah seperti berikut;

- Pembekalan barang dan perkhidmatan (kecuali barang dan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan sebagai tertakluk kepada cukai) dalam ASB adalah *tidak tertakluk kepada CBP*.
- Pembekalan barang (kecuali barang yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan sebagai tertakluk kepada cukai) dari kawasan utama kastam ke ASB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar sifar*.
- Pembekalan perkhidmatan dari kawasan utama kastam ke ASB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard*.
- Pembekalan barang dan perkhidmatan dari ASB ke kawasan utama kastam adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar standard*.
- Pembekalan barang dan perkhidmatan (kecuali barang dan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan sebagai tertakluk kepada cukai) dari ASB ke kawasan lain yang ditetapkan (DA) adalah *tidak tertakluk kepada CBP*.
- Pengimportan barang dan perkhidmatan (kecuali barang dan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan sebagai tertakluk kepada cukai) ke ASB *tidak tertakluk kepada CBP*.
- Pengeksportan barang dan perkhidmatan dari ASB adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar sifar*.

Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA)

19. Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA) adalah sebuah zon ekonomi bertindih yang terletak di luar pesisir antara Malaysia dan Thailand di Teluk Thailand. JDA telah ditubuhkan untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di antara Malaysia dan Thailand ke atas sumber hidrokarbon di kawasan berkenaan.

20. Layanan CBP bagi aktiviti yang berkaitan dengan JDA adalah seperti berikut:

- Pengimportan bahan mentah dan peralatan seperti yang disenaraikan di bawah “Senarai Pengecualian Utama JDA (MEL)” ke JDA diberi *pelepasan* daripada CBP.
- Pengimportan bahan mentah dan peralatan yang tidak disenaraikan di bawah “Senarai Pengecualian Utama JDA (MEL)” ke JDA diberi *pelepasan 50%* daripada CBP.
- Pengimportan perkhidmatan yang berkaitan dengan operasi petroleum huluan ke JDA diberi *pelepasan 50%* daripada CBP.
- Pembekalan barang yang dihasilkan dalam JDA ke Malaysia diberi *pelepasan 50%* daripada CBP.
- Pengeksportan barang yang dihasilkan di JDA ke Thailand atau ke negara ketiga adalah tertakluk kepada CBP pada *kadar sifar*.
- Pembekalan barang dan perkhidmatan ke JDA diberi *pelepasan 50%* daripada CBP.
- Mana-mana orang dalam JDA diberi *pelepasan daripada membayar CBP* untuk pembekalan barang dan perkhidmatan yang dibuat dalam JDA.
- Pergerakan barang yang dipulangkan atau barang yang dihantar keluar untuk pembaikan / penyalutan cat / penggulangan (rewinding) / lain-lain perkhidmatan berkaitan dari JDA ke Pangkalan Bekalan Kemaman atau Pangkalan Bekalan Songkla atau gudang berlesen yang lain di Malaysia atau Thailand adalah *bukan pembekalan*.
- Pergerakan barang yang dihantar keluar untuk pembaikan / penyalutan cat / penggulangan (rewinding) / lain-lain perkhidmatan berkaitan dari

Pangkalan Bekalan Kemaman atau Pangkalan Bekalan Songkla atau gudang berlesen yang lain di Malaysia atau Thailand kembali ke JDA adalah *bukan pembekalan*.

Kawasan Unitization

21. Layanan CBP bagi kawasan unitization adalah seperti berikut:

- (a) Lapangan Fairley Baram
 - (i) Lapangan Fairley Baram (FB) adalah sebuah kawasan *unitization* yang merentangi sempadan perairan Malaysia dan Brunei.
 - (ii) Keseluruhan minyak mentah FB diimport dengan saluran paip dari platform FBPP1 (Brunei), melalui platform BAP-AA di perairan Malaysia, ke Terminal Minyak Mentah Miri (MCOT) di Malaysia. CBP ke atas minyak mentah FB yang diimport akan ditanggung sekiranya MCOT layak untuk skim penggudangan CBP. Jika MCOT tidak layak untuk skim penggudangan CBP, minyak mentah FB yang diimport akan tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
 - (iii) Minyak mentah FB akan bercampur-gaul dengan minyak mentah Miri yang lain di MCOT sebelum ia dihantar untuk eksport. Pengeksportan minyak mentah adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar.
- (b) Lapangan Asam Paya
 - (i) Asam Paya adalah sebuah lapangan daratan yang merentangi sempadan Malaysia dan Brunei. Perjanjian *unitization* adalah di antara PETRONAS dan Brunei Shell Petroleum (BSP).
 - (ii) Minyak mentah dan gas yang dikeluarkan dari Lapangan Asam Paya dihantar ke Stesen Rasau (Brunei) dan kemudiannya dihantar ke Terminal Minyak Mentah Seria (SCOT), Brunei, melalui saluran paip.

- (iii) PETRONAS hendaklah mengakaunkan nilai eksport minyak mentah dan gas Asam Paya bahagian Malaysia yang dijual kepada BSP dalam penyata CBP.
- (c) Lapangan Kinabalu
- (i) Lapangan Kinabalu terletak di antara sempadan perairan Malaysia dan Brunei. Lapangan ini dibahagikan kepada tiga lapangan utama iaitu Main, East and Deep.
- (ii) Kawasan *unitization* berkaitan adalah sebuah takungan minyak S1/S2 di Kinabalu Deep (yang dikendalikan oleh Talisman Malaysia Ltd.) yang merentasi perairan Brunei, dengan telaga penggerudian terletak di kedua-dua belah sempadan perairan. Minyak mentah dan gas yang dikeluarkan dari kedua-dua telaga dihantar melalui saluran paip ke Terminal Minyak Mentah Labuan (LCOT) dan Terminal Gas Labuan (LGST) masing-masing, di mana hakmilik minyak mentah dan gas bahagian Brunei akan dipindahkan kepada PETRONAS.
- (iii) Minyak mentah dan gas dipindahkan dari telaga di perairan Malaysia (kawasan utama kastam) dan telaga di perairan Brunei ke LCOT dan LCBP di Labuan, masing-masing. Pengimportan minyak mentah dan gas ke Labuan hendaklah diikrarkan dalam borang Kastam No.1. memandangkan Labuan adalah sebuah kawasan yang ditetapkan,
- pengimportan minyak mentah dan gas dari telaga di perairan Malaysia (kawasan utama kastam) ke Labuan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar; dan
 - pengimportan minyak mentah dan gas dari telaga di perairan Brunei (luar negara) ke Labuan adalah tidak tertakluk kepada CBP.
- (iv) Walau bagaimanapun, jika minyak mentah dan gas adalah barang yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan sebagai

tertakluk kepada CBP di Labuan, maka pengimportan minyak mentah dan gas ke Labuan adalah tertakluk kepada CBP.

SOALAN LAZIM

S1. Syarikat saya telah menandatangani perjanjian PSC untuk mengendalikan sebuah blok di Semenanjung Malaysia. Kami masih di fasa eksplorasi (penerokaan) tetapi bolehkah kami mendaftar di bawah CBP untuk membolehkan kami menuntut cukai input ke atas pembelian bahan mentah dan peralatan yang akan digunakan untuk tujuan eksplorasi dan penggerudian?

J1. Memandangkan anda mempunyai kontrak bertulis untuk menjalankan aktiviti huluan petroleum dan berniat untuk membuat pembekalan bercukai, anda boleh memohon untuk pendaftaran secara sukarela di bawah CBP bagi melayakkan syarikat anda untuk menuntut cukai input berkaitan pembelian tersebut. Sila rujuk *Panduan Pendaftaran CBP* untuk penjelasan lanjut berhubung pendaftaran secara sukarela.

S2. Di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC), kos yang ditanggung oleh kontraktor PSC untuk operasi petroleum akan dibayar balik (reimburse) dan dicaj ke dalam akaun bersama PSC. Adakah caj yang berkenaan contohnya pinjaman kakitangan (secondment of staff) boleh diabaikan untuk tujuan CBP?

J2. Ya, caj berkenaan hendaklah diabaikan jika mereka ditanggung (incurred) bagi tujuan menjalankan perniagaan usaha sama.

S3. Bolehkah kontraktor PSC menuntut Kredit Cukai Input (ITC) pada bahagian perbelanjaan mereka yang diperuntukkan oleh pengendali usaha atau JOC berdasarkan penyata Bil Kepentingan Bersama (JIB) yang dikeluarkan oleh pengendali usaha atau JOC, iaitu menganggap penyata JIB sebagai inouis cukai yang sah?

J3. Tidak, kerana JIB hanyalah suatu penyata perbelanjaan. Pengendali usaha atau JOC akan menanggung CBP yang dikenakan ke atas pembelian mereka tetapi kemudiannya akan dapat menuntut ITC daripada Kastam. Setiap

pengusaha (kontraktor PSC) walau bagaimanapun, perlu mengakaunkan cukai output yang dikenakan ke atas pembekalan yang dibuat daripada bahagiannya dalam usaha sama.

S4. Bolehkah aktiviti "pinjam dan pulang" yang dijalankan dalam perkiraan PSC dikecualikan daripada CBP iaitu disifatkan sebagai "di luar skop"? Aktiviti "pinjam dan pulang" ini dijalankan untuk memastikan operasi berjalan berterusan dan meminimakan gangguan perniagaan.

J4. Memandangkan setiap pengusaha PSC adalah orang bercukai, aktiviti "pinjam dan pulang" tidak dianggap sebagai pembekalan barang kerana peralatan sama yang dipinjam akan dipulangkan kepada pemilik dan ia tidak melibatkan sebarang balasan. Oleh itu, aktiviti seperti ini adalah diabaikan.

Walau bagaimanapun, jika aktiviti "pinjam dan pulang" melibatkan pertukaran (swapping) atau pinjaman bahan mentah, ia dianggap sebagai pembekalan barang dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard kerana bahan mentah telah digunakan dan penggantian bukanlah bahan mentah sama yang telah ditukar atau dipinjam (walaupun ianya daripada jenis yang serupa atau sama dengan bahan mentah yang telah ditukar atau pinjam). Oleh itu, aktiviti jenis ini adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard dan CBP dikira berdasarkan book value (kos) barang yang dipinjam.

S5. Apakah layanan CBP bagi aset atau gunahabis yang dihapusira dan dijual sebagai sisa?

J5. Aset atau gunahabis yang dihapusira tertakluk kepada CBP pada nilai skrap jika dijual sebagai sisa. Jika mereka dimusnahkan dengan cara yang diluluskan oleh pejabat CBP, mereka tidak tertakluk kepada CBP.

Walau bagaimanapun, aset atau gunahabis yang dilepaskan di bawah PSC atau atas penamatan / tamat tempoh PSC kepada PETRONAS adalah tidak tertakluk kepada CBP.

S6. Apakah layanan CBP ke atas penyewaan rig daripada pemajak bukan pemastautin?

J6. Pengimportan rig pada aturan pajakan tertakluk kepada CBP pada masa pengimportan. Walau bagaimanapun, caj sewa yang kena dibayar bagi rig sepanjang tempoh pajakan adalah tidak tertakluk kepada CBP.

Jika penerima tempatan terus memajak rig selepas tamat tempoh pajakan, caj sewa yang perlu dibayar adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Beliau kemudiannya perlu mengakaunkan CBP menggunakan mekanisme caj berbalik (reverse charge mechanism).

S7. Syarikat saya menyediakan perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan untuk kapal Penyimpanan dan Pemungghahan Terapung [Floating Storage and Offloading (FSO)] atau kapal Penyimpanan Pengeluaran dan Pemungghahan Terapung [Floating Production Storage and Offloading (FPSO)] di laut dalam. Adakah perkhidmatan tersebut tertakluk kepada CBP?

J7. Ya. Perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan bagi FSO dan FPSO adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S8. Adakah kapal Penyimpanan dan Pemungghahan Terapung [Floating Storage and Offloading (FSO)] atau kapal Penyimpanan Pengeluaran dan Pemungghahan Terapung [Floating Production Storage and Offloading (FPSO)] dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti petroleum hulu atau aktiviti perkapalan, dan apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh FSO dan FPSO?

J8. Kedua-dua FSO dan FPSO dianggap sebagai sebahagian daripada aktiviti petroleum hulu kerana mereka menyediakan kemudahan penyimpanan dan pemungghahan bagi pengeksport minyak mentah dan kondensat luar negara melalui luar pesisir. Walau bagaimanapun, FPSO menyediakan kemudahan tambahan seperti rawatan air atau penapisan (filterage) ke atas minyak mentah dan kondensat sebelum dieksport. Walaupun pengeksportan minyak mentah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar dan duti eksport, aktiviti yang berkaitan (perkhidmatan yang disediakan oleh FSO dan FPSO) adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S9. Apakah layanan CBP ke atas sumbangan / bayaran yang dibuat kepada PETRONAS seperti yang diminta dalam PSC contohnya pembayaran ses penyelidikan dan pembayaran ses pengabaian (abandonment)?

J9. Sumbangan / pembayaran yang dibuat kepada PETRONAS seperti pembayaran ses penyelidikan dan pembayaran ses pengabaian tidak tertakluk kepada CBP.

S10. Syarikat saya mengoperasikan satu blok (lapangan minyak) yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Sesetengah perbelanjaan yang ditanggung termasuk pajakan tongkang dan bot tunda yang disediakan oleh syarikat pengangkutan. Adakah caj tersebut tertakluk kepada CBP dan boleh dituntut sebagai cukai input?

J10. Ya. Caj pajakan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Oleh itu, ia boleh dituntut sebagai kredit cukai input (ITC). Sila rujuk Panduan Industri Perkapalan CBP untuk maklumat lanjut mengenai layanan CBP pada pelbagai jenis caj pengangkutan air.

S11. Adakah CBP dikenakan ke atas gas atau bahan api yang digunakan semasa operasi?

J11. Penggunaan gas atau bahan api yang digunakan semasa operasi (untuk tujuan perniagaan) tidak dianggap sebagai pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.

S12. Apakah layanan CBP ke atas penyewaan alat menangkap ikan yang digunakan untuk mengumpul objek yang jatuh semasa penggerudian?

J12. Penyewaan alat tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S13. Syarikat saya menyediakan perkhidmatan pemasangan, penyalutan dan fabrikasi untuk pengendali petroleum huluan. Adakah perkhidmatan tersebut tertakluk kepada CBP?

J13. Ya. Perkhidmatan berkenaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Anda perlu mengenakan CBP ke atas perkhidmatan yang anda berikan dan pelanggan anda (jika orang yang berdaftar di bawah CBP) boleh menuntut kredit cukai input ke atas CBP yang telah dibayar untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut.

S14. Semasa penghantaran minyak mentah dari depoh di Melaka untuk penapisan di Port Dickson, kekurangan dari segi kuantiti telah dikesan dalam penghantaran. Apakah layanan CBP ke atas kehilangan semasa penghantaran?

J14. Kehilangan minyak mentah semasa penghantaran adalah tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, jika kehilangan semasa penghantaran adalah disebabkan oleh kecurian atau tumpahan yang tidak dapat dielakkan dan dapat disokong dengan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti laporan audit mengesahkan kecurian atau tumpahan tersebut, ia tidak tertakluk kepada GST dengan syarat bahawa laporan polis atau laporan tuntutan insurans dibuat.

S15. Apakah layanan CBP ke atas geran kerajaan yang diberikan untuk membiayai Penyelidikan & Pembangunan (R & D) yang diluluskan secara langsung berkaitan dengan pembangunan dan kesejahteraan industri petroleum?

J15. Semua geran kerajaan adalah tidak tertakluk kepada CBP sekiranya tiada pembekalan dibuat untuk geran tersebut.

S16. Kajian Seismik melibatkan pengumpulan data untuk mengenalpasti telaga bakal di laut dalam. Adakah perkhidmatan dilakukan mencetuskan CBP?

J16. Ya. Kajian seismik adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S17. Syarikat X ingin menjual beberapa aset untuk menjana beberapa dana bagi aktiviti penggerudian. Apakah layanan CBP ke atas penjualan aset?

J17. Jualan aset adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S18. Adakah peninggalan blok PSC (di mana semua aset termasuk pelantar minyak akan dipulangkan kepada PETRONAS) tertakluk kepada CBP?

J18. Pelepasan aset kepada PETRONAS apabila tamat PSC tidak dianggap sebagai pembekalan untuk tujuan CBP. Jika aset di bawah PSC dihapuskan semasa PSC masih berkuatkuasa dan tidak mempunyai nilai *salvage*, maka hapuskira tidak akan tertakluk kepada CBP. Jika ada sebarang nilai skrap yang diterima, maka CBP dikenakan ke atas nilai tersebut.

S19. Adakah kebocoran / tumpahan minyak / pengecutan dianggap sebagai pembekalan?

J19. Tidak. Kebocoran / tumpahan minyak / pengecutan tidak dianggap sebagai pembekalan dan oleh itu, ia tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, kebocoran / tumpahan minyak / pengecutan tersebut hendaklah disokong oleh laporan verifikasi kebocoran / tumpahan minyak / pengecutan yang telah diaudit.

S20. Bolehkah syarikat saya membuat tuntutan pulang balik cukai jualan khas ke atas harta modal seperti peralatan penggerudian dan jentera yang diperolehi sebelum pelaksanaan CBP?

J20. Tidak. Syarikat anda tidak boleh menuntut pulang balik cukai jualan khas ke atas harta modal. Tuntutan pulang balik cukai jualan khas juga tidak dibenarkan ke atas stok bukan perdagangan seperti bahan mentah, barang separa proses, bahan yang digunakan tidak langsung dalam proses pembuatan (bahan api, minyak pelincir, detergen dan bahan kimia) dan barang guna habis (alat tulis).

S21. Syarikat Y, seorang berdaftar CBP, memegang stok di tangan yang telah dibayar cukai jualan pada tarikh pelaksanaan CBP. Bolehkah Syarikat Y menuntut pulang balik cukai jualan khas?

J21. Ya. Memandangkan Syarikat Y ialah seorang berdaftar CBP dan beliau telah pun membayar cukai jualan ke atas stok yang berada di tangan pada tarikh pelaksanaan CBP, maka beliau layak untuk menuntut pulang balik cukai jualan khas dengan syarat beliau mempunyai semua dokumen sokongan seperti invois dan borang pengikraran kastam yang perlu untuk tuntutan.

Walaupun bagaimanapun, selepas memperolehi pulang balik cukai jualan khas, jika Syarikat Y memulangkan stok tersebut kepada pembekal, ia dikehendaki membayar balik amaun pulang balik khas tersebut kepada Kastam dengan mengaunkannya sebagai cukai output dalam penyata CBP beliau.

S22. Apakah layanan CBP ke atas kontrak yang tidak boleh dikaji semula yang ditandatangani sebelum pelaksanaan CBP?

J22. Bagi kontrak yang telah ditandatangani tidak kurang dari 2 tahun sebelum tarikh pelaksanaan CBP, pembekalan akan tertakluk kepada CBP pada kadar sifar untuk tempoh selama 5 tahun bagi pembekalan yang dibuat pada atau selepas tarikh tersebut, dengan syarat

- (a) pembekal dan penerima adalah berdaftar di bawah CBP;
- (b) pembekalan tersebut adalah bercukai; dan
- (c) penerima pembekalan membuat pembekalan bercukai sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, bagi kontrak yang tidak boleh dikaji semula yang ditandatangani dalam tempoh 2 tahun sebelum tarikh pelaksanaan GST, pembekalan yang dibuat pada atau selepas tarikh tersebut adalah tertakluk kepada GST pada kadar standard.

MAKLUMBALAS ATAU KOMEN

22. Sebarang maklumbalas atau komen adalah sangat dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Rokiah binti Embong (rokiah.embong@customs.gov.my) atau Mohd Hisham bin. Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my).


MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP

23. Maklumat lanjut boleh didapati dari:

- (a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-78067599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my

LAMPIRAN 1

CARTA ALIRAN TRANSAKSI DALAM USAHA SAMA (JV)



Legend :
----- Pengusaha JV

